

## PROMOSI 3-BULAN DEPOSIT TETAP KONVENTIONAL GABUNGAN DENGAN AKAUN TOP YIELD 2018

Dikemaskini pada 22 November 2018

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi 3-bulan Deposit Tetap Gabungan dengan Akaun Top Yield” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 23 November 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana Ringgit Malaysia Sepuluh Billion (RM10 Billion) (“Had Saiz Dana”) mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

### KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru and sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap Hong Leong sepetimana ditakrif menurut Fasal 3 di bawah (“Akaun FD”) sertaan berikut yang merupakan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
  - (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk sertaan dengan HLB / Hong Leong Islamic (686191-W) (“HLISB”) sebelum Tempoh Promosi.
  - (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan HLB / HLISB sebelum Tempoh Promosi.
3. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
  - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD (dimiliki oleh Pelanggan) yang baru dan sedia ada Pelanggan dan dibuka dengan HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”). Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD yang baru dan sedia ada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / HLISB; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) HLB Pelanggan.
4. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
  - (a) FD yang matang atau pengeluaran pramatang FD dari mana-mana akaun FD HLB / Deposit Tetap-i (“FD-i”) HLISB yang sedia ada;
  - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
  - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
5. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (686191-W) (“HLISB”) atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi ini.
6. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

### KAEDAH PROMOSI

7. Untuk berhak kepada kadar promosi FD di bawah, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum (“Amaun Peletakan”) bersama-sama seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam FD dan CASA Akaun yang baru and sedia ada masing-masing:-
  - (a) Akaun FD dengan tempoh 3-bulan tempoh FD; dan
  - (b) Akaun Top Yield dengan minimum peruntukan selama 3 bulan

Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua kriteria dalam clausa 7 akan dirujukkan sebagai "Pelanggan Layak".

Jenis Pelanggan	Tempoh FD	Kadar Faedah Promosi FD	Amaun Peletakan FD Minimum	Amaun Peletakan FD Maksimum	Nisbah FD Konvensional: Top Yield
Pelanggan Sedia Ada	3-bulan	6.18%p.a.	Peletakan FD: RM10,000	Peletakan FD : RM5,300,000	2 : 1
Pelanggan Baru		6.00%p.a.	Peletakan Akaun Top Yield: RM5,000 (peruntukan selama 3 bulan)	Peletakan Akaun Top Yield: RM2,650,000 (peruntukan selama 3 bulan)	

Kadar berkesan akan berubah berdasarkan Amaun Peletakan FD Konvensional dan Amaun Peletakan Akaun Top Yield.

Contoh 1: Pelanggan A meletakkan RM100,000 ke dalam 3-bulan FD Konvensional dan RM50,000 ke dalam Akaun Top Yield (kadar faedah: sehingga 0.50%p.a.), diperuntukan selama 3 bulan. Kadar berkesan untuk 3-month ialah 4.25%p.a.

Contoh 2: Pelanggan B meletakkan RM2,000,000 ke dalam 3-bulan FD Konvensional dan RM1,000,000 ke dalam Akaun Top Yield (kadar faedah: sehingga 1.80%p.a.), diperuntukan selama 3 bulan. Kadar berkesan untuk 3-bulan ialah 4.51%p.a.

8. Amaun Peletakan FD Konvensional Minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM5,300,000)**. Jika Amaun Peletakan FD Konvensional melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FD Konvensional yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD konvensional semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
9. Untuk menikmati kadar FD promosi, pelanggan layak diperlukan deposit amaun dinyatakan dalam Klausus 7 di atas ke dalam Akaun Top Yield atas nama Pelanggan Layak ("Akaun Top Yield Namaan"). Deposit tersebut akan diperuntukan selama 3 bulan berturut-turut ("Tempoh Peruntukan")
10. Peletakan Akaun Top Yield dan peruntukan hendaklah dibuatkan secara serentak dengan Peletakan FD Konvensional dalam Tempoh Promosi. Jika Peletakan Akaun Top Yield dan / atau Peletakan FD Konvensional telah dibantahkan, dikeluarkan (sepenuhnya atau sebahagiannya) atau dilepaskan dalam tempoh Peruntukan dan / atau dalam tempoh FD untuk apa-apa sebab, kadar semasa akan ditaklukkan.
11. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD Konvensional akan dikreditkan ke dalam Akaun Top Yield Pelanggan Layak pada tarikh matang.
12. Apabila tarikh matang, Amaun pokok FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FD masing-masing dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Top Yield Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan dan / atau pada tarikh matang.
13. Pengeluaran separa dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** adalah dibenarkan dalam tempoh FD Konvensional. Pengeluaran separa tidak dibenarkan bagi FD Konvensional yang kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**. Walaubagaimanapun, peletakan Akaun Top Yield mesti dikekalkan dalam Tempoh Peruntukan.
14. Sekiranya Amaun FD Konvensional dikeluarkan sebelum tarikh matang, sebahagian atau seluruh, faedah tidak akan dibayar untuk pengeluaran separa dan pengeluaran pramatang FD Konvensional.
15. Amaun Peletakan FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.
16. Promosi ini tidak disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh HLB / HLISB.

## UMUM

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
  - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;

- (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
- (iii) mengakses Laman Sesawang HLB [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Sesawang HLB") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
- (iv) faedah yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau faedah; dan
- (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

18. HLB berhak:

- (i) dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarannya dalam Laman Sesawang HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB; dan
- (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
- (iii) membatalkan faedah yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun.

19. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

20. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB akan diutamakan.

21. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

22. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM**